

# Dr. M rasmi seminar Dakwah Islam

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan seminar empat hari mengenai 'Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN' di Dewan Besar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2 Disember, jam 10 pagi.

Seminar tersebut diadakan sempena Bulan Dakwah yang diadakan serentak di seluruh negara mulai 2 Disember depan, kata Pengerusi Seminar tersebut, Dr. Yusoff Noor hari ini.

Katanya, setiap negara ASEAN akan menghantar lima orang wakil, manakala 240 orang ahli-ahli akademik dan ulama dalam negeri akan menyertai seminar tersebut.

Belliau berkata, sebanyak lima kertaskerja akan dibentangkan dalam seminar itu dua dari Malaysia, dua dari Indonesia dan satu dari Filipina.

Kertas-kerja tersebut ialah 'Pengajian Islam di Pusat-pusat Pengajian Indonesia' oleh Dr. Zakiah Daradjat dari Indonesia, 'Peranan Perguruan Tinggi Islam Swasta Dalam Menghadapi Cabaran Pembangunan Indonesia' oleh Encik H.E.Z. Mustaqin, Rektor Universiti Islam, Bandung Indonesia.

Kertaskerja ketiga dari Filipina yang ditulis oleh Prof. C.A. Majul, Dekan Institut Pengajian Islam, Universiti Filipina, Queson City mengenai 'Pendidikan Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Filipina'.

Dua kertaskerja dari Malaysia berjudul 'Sains, Teknologi dan Penghatian Islam menerusi Muallim-muallim Hari Ini' oleh Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Ainuddin Wahid dan 'Beberapa Pengamatan Umum Tentang Ilmu-ilmu Sosial dan Pengajian Islam Dalam Konteks Pembangunan Negara' oleh Dr. Mohamed Kamal Hassan dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Upacara penutup seminar tersebut akan dilakukan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Haji Abdullah Mohamad Salleh, katanya.